

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	5/2/2012

# Konvoi ke Palestin Mei

## Dr M harap lebih ramai sukarelawan sertai misi

Oleh Norakmah Mat Youb  
norakmah@bharian.com.my

**K**UALA LUMPUR: Viva Palestin Malaysia (VPM) akan menyertai konvoi keenam ke Gaza bagi membawa bantuan selain sebagai sokongan berterusan kepada rakyat di negara itu yang dijadualkan bermula 15 Mei ini.

Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau berharap lebih ramai sukarelawan negara ini menyertainya bagi menunjukkan sokongan tidak berbelah bahagi.

"Bagaimanapun, ia masih pada peringkat awal. Jika kita sokong keadilan kita patut sokong Palestin dan sedar mengenai kezaliman Israel, mereka ini betul-betul kejam," katanya pada sidang media selepas merasmikan Festival Filem Kuala Lumpur Palestin di sini, semalam.

Turut hadir, Pengasas Viva Palestin, George Galloway; Pengerusi VPM, Datuk Dr Musa Mohd Nordin dan isteri Dr Mahathir, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut menyaksikan filem *Tears Of Gaza*. VPM dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) akan menayangkan beberapa filem berkaitan Palestin yang memenangi anugerah di peringkat antarabangsa secara percuma.

Program julung kali diadakan di Malaysia itu bagi mengumpul dana untuk membantu rakyat Palestin dan membiayai projek pembinaan 11 sekolah bagi keperluan 9,000 kanak-kanak Palestin.

Sebanyak lima filem ditayangkan secara percuma di Golden Screen Cinemas (GSC) Pavillion mulai se-


malam sehingga esok.

Terdahulu, Dr Mahathir berkata, usaha penayangan filem itu diharapkan dapat membuka mata masyarakat mengenai penderitaan yang dihadapi oleh rakyat Palestin.

Sementara itu, Dr Musa berkata, pihaknya berharap konvoi akan datang dapat membawa bahan pembinaan dan kenderaan berat bagi membina bangunan yang rosak.

"Pada masa ini, bukan hanya bantuan perubatan penting tetapi membangunkan semula penempatan di Gaza bagi memastikan penduduk di situ mendapat kemudahan asas termasuk tempat tinggal lebih sempurna," katanya.

Katanya, selain Malaysia lebih 20 negara akan menyertai konvoi itu termasuk Australia, New Zealand, Britain, Greece dan Indonesia.



DR MAHATHIR melawat pameran Viva Palestina Malaysia bersama Galloway (kiri) dan Dr Musa di Kuala Lumpur, semalam.